
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HSA 101 – Pengantar Sejarah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi lapan soalan dan jawab EMPAT soalan sahaja. Dua soalan daripada setiap bahagian.

...2/-

Bahagian A

1. "Sejarah adalah suatu bidang ilmu yang bersifat ilmiah". Nilai pernyataan tersebut dengan merujuk kepada ciri-ciri ilmu pengetahuan.
2. "Herodotus dan Thucydides adalah dua tokoh yang dianggap membawa **perubahan besar** dalam sejarah". Berdasarkan **maksud pernyataan** di atas telitikan pendapat kedua-dua tokoh berbanding zaman sebelumnya dari segi pengertian sejarah, motif penulisan, penggunaan sumber dan ruang lingkup.
3. "Pandangan yang dikemukakan sehingga kini lebih cenderung menganggap bahawa Perak kurun ke-18 mengamalkan sistem pemerintahan beraja 'mutlak' dan bercorak feudal". Berdasarkan pernyataan di atas sejauh manakah teks *Misa Melayu* berjaya menggambarkan wujudnya feudalisme di Perak pada kurun tersebut?
4. Jika pengadilan moral dikikis, "sejarah tinggal tidak lebih dari cerita", (Adrian Oldfield). Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut?

Bahagian B

5. Bincangkan sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* dalam memperkatakan tentang sejarah **Bentan atau Palembang** dengan merujuk kepada teks *Sejarah Melayu*.
6. Bahaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan Munshi Abdullah sebagai penulis yang memperlihatkan corak pemikiran baru yang jauh berbeza daripada pensejarahan tradisional sebelumnya.
7. Huraikan konsep sejarah yang telah dipopularkan oleh Leopold von Ranke dan jelaskan mengapa golongan relativis menolak konsep sejarah tersebut.
8. Bincangkan sumbangan akhbar-akhbar dan pengarang akhbar Melayu dalam membentuk kesedaran sejarah masyarakat Melayu.